

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Lebuh Raya Pan Borneo sepatutnya siap sepenuhnya buat masa sekarang, apakah faktor utama kelewatan dan berapa lama lagi yang diperlukan untuk menyelesaikan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement – PDPA*). Sehingga bulan Ogos 2021, status kemajuan terkini adalah 70% bagi projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan pindaan jangkaan siap sepenuhnya pada September 2022.

Selain daripada wabak Covid-19, perubahan model pelaksanaan turut memberi kesan ke atas kelancaran dan kemajuan pelaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* dan tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan antara lainnya menambahbaik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini, penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (*Extension Of Time - EOT*) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek.

Sekian, terima kasih.